



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd 202201013075 (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



SIARAN MEDIA

MRT CORP MENGUMUMKAN PEMERIKSAAN AWAM LALUAN LINGKARAN (MRT3)

Kuala Lumpur, 30 Ogos 2024 – Sejalan dengan proses perancangan dan pembangunan bagi Projek MRT Laluan Lingkaran (MRT3), Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) akan menjalankan proses Pemeriksaan Awam untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai. Bermula 2 September sehingga 2 Disember 2024, Pemeriksaan Awam yang akan berlangsung selama tiga bulan ini memberi peluang kepada orang ramai untuk menyemak dan memberikan maklum balas mengenai cadangan jajaran, pelan konteks dan tapak, serta butiran projek.

Laluan Lingkaran (MRT3) yang kini di peringkat akhir perancangan dan pembangunan, bakal membentuk sebuah laluan rel orbit yang direka untuk menghubungkan rangkaian pengangkutan awam Lembah Klang sedia ada, serta meningkatkan mobiliti dan kemudahan perjalanan untuk populasi bandar yang semakin meningkat. Melingkari perimeter bandar sepanjang 51km, Laluan Lingkaran (MRT3) bakal disepadukan dengan laluan MRT, LRT, KTM dan Monorel yang sedia ada melalui 10 stesen pertukaran dan sambungan di lokasi-lokasi strategik.

Laluan Lingkaran (MRT3) bakal menawarkan laluan alternatif dengan masa perjalanan serta jarak yang lebih pendek ke destinasi-destinasi utama menerusi pelbagai titik integrasi di sepanjang jajaran, serta menyediakan ketersambungan penting ke kawasan bandar yang kurang mendapat perkhidmatan rel.

Selaras dengan Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Pemeriksaan Awam selama tiga bulan ini akan menampilkan maklumat terperinci mengenai Laluan Lingkaran (MRT3), termasuk peta cadangan jajaran, pelan tapak dan butiran projek.

MRT Corp akan menjalankan Pemeriksaan Awam di 35 lokasi yang ditetapkan di seluruh Lembah Klang, ini termasuk 8 lokasi bagi Kios Informasi MRT dan 27 lokasi bagi Trak Informasi MRT. Orang ramai yang ingin mendapatkan jadual penuh serta lokasi Pemeriksaan Awam Laluan Lingkaran (MRT3) boleh mendapatkannya di Laman Mikro Pemeriksaan Awam di www.mymrt.com.my.

Bagi mereka yang tidak dapat melawat lokasi Pemeriksaan Awam, butiran projek serta maklumat berkaitan yang lain boleh diakses melalui Laman Mikro Pemeriksaan Awam yang tertera di atas. Orang ramai juga boleh mengemukakan maklum balas melalui laman web tersebut sepanjang tempoh tiga bulan. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1 800-88-6782.

-tamat/-